



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**PEGAWAI MELESEN PERIKANAN KANAN (C.1-2 EB.3)
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



PEGAWAI MELESEN PERIKANAN KANAN
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang Pengajian Perikanan / Sains / Teknologi Maklumat atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Perikanan sebagai Pegawai Melesen Perikanan atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
 3. Mempunyai pengetahuan yang luas dalam alat-alat penangkapan ikan / cara-cara penangkapan ikan / jenis-jenis ikan dan perusahaan-perusahaan perikanan yang lainnya adalah merupakan satu kelebihan.
 4. Pernah mengikuti kursus-kursus dalam bidang perikanan di luar negeri adalah kelebihan.
 5. Mempunyai Lesen Memandu kelas 3 yang sah (tidak mansuh).

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab dalam memastikan akta-akta perikanan dan peraturan-peraturan perikanan dipatuhi oleh semua pihak yang berkecimpung di dalam Industri Perikanan;



2. Bertanggungjawab dalam pengeluaran lesen-lesen alat menangkap ikan dan permit / lesen-lesen bagi mengimport / mengeksport hasil perikanan serta mengutip bayaran untuk lesen / permit tersebut;
3. Melaksanakan kerja-kerja operasi rondaan darat dan laut serta menyediakan laporan operasi rondaan tersebut;
4. Melaksanakan kerja-kerja pemantauan dan pengawasan di pos-pos kawalan dan tempat penurunan dan penaikan perahu diseluruh daerah di Negara Brunei Darussalam;
5. Membantu dalam kerja-kerja penyiasatan dan menyelesaikan kes-kes kesalahan perikanan yang berkaitan; dan
6. Menerima dan melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai atasan yang lain dari masa ke semasa.